

"DI SAMPING itu, jangan pula lupa, turut menjadi kunci kestabilan dan kemakmurannya adalah amalan berjimat cermat. Sikap berhemat dalam berbelanja, sama ada di peringkat kerajaan, rumah tangga maupun individu adalah tonggak survival ekonomi negara. Kerana itu, berbelanja besar di luar kemampuan adalah satu tragedi pahit.

- Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2012.



"ALLAH meningkatkan darjah orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama dari kalangan kamu beberapa darjah. Dan ingatlah Allah Maha Mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan."

- (Surah Al Mujaadilah ayat 11)

TAHUN 57 / BILANGAN 6

14 JANUARI 2012 / 1433 صفر 20

EDISI SABTU / PERCUMA

Akhiri keberangkatan lawatan rasmi

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Masri Osman
dari Republik Singapura

REPUBLIC SINGAPURA, Khamis, 12 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat me-

ninggalkan Singapura setelah selesai mengadakan Lawatan Rasmi lima hari ke Republik Singapura. Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Turut mengiringi keberangkatan, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqr Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Ke muka 3

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman ketika doa selamat dibacakan sebelum berangkat meninggalkan Singapura setelah selesai mengadakan Lawatan Rasmi lima hari ke Republik Singapura. Berangkat sama Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.



DBP perlu cari pendekatan baru pupuk budaya membaca

Oleh : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Januari. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berkata

ta, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) masih perlu meningkatkan lagi usaha dan mencari kaedah serta pendekatan baru bagi meningkatkan kesedaran dan memupuk budaya membaca di negara ini. Antaranya, jelas Yang

Berhormat, ialah meninggikan taraf perpustakaan pusat di Bandar Seri Begawan dan perpustakaan di daerah-daerah dengan suasana perpustakaan yang lebih moden dan kondusif serta diisikan dengan koleksi buku-buku yang menarik dan berkualiti setara dengan konsep perpustakaan moden yang digunakan di negara-negara maju.

DI DALAM



Muka 4
BERANGKAT menghadiri Mesyuarat Retreat Menteri-Menteri Luar ASEAN



Muka 6
Kementerian Kesihatan berikan kemudahan kondusif kepada pesakit

Isu kepentingan bersama dibincangkan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa berkenan mengadakan perjumpaan bersama Tuan Yang Terutama Lee Kuan Yew, mantan Perdana Menteri Republik Singapura. (Lagi berita dan foto ke muka 3).

Ke muka 24

Bot Ambulans Laut tingkatkan kemudahan rawatan pesakit Daerah Temburong

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG. - Para pesakit di daerah ini yang memerlukan rawatan lebih lanjut di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) menerima satu lagi kemudahan untuk mendapatkan rawatan dengan berlangsungnya

pelancaran Bot Ambulans Laut di Jeti Jabatan Daerah Temburong, Pekan Bangar pada 12 Januari 2012.

Pelancaran bot disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Penghantaran pesakit-pesakit dari Temburong ke Hospital RIPAS merupakan satu perkhidmatan yang telah lama wujud bagi memberikan rawatan yang komprehensif kepada rakyat Negara Brunei Darussalam termasuklah penduduk-penduduk di daerah ini.

Ke muka 24

Keselamatan jalan raya adalah isu global

Bismillahir
Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera

SU keselamatan jalan raya adalah satu isu global yang mempunyai implikasi besar. Selain dari mengorbankan jiwa, kemalangan jalan raya mengakibatkan kos yang tinggi kepada kerajaan dan individu. Dari statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia World Health Organization (WHO), dianggarakan 1.3 juta orang terkorban dalam kemalangan jalan raya di seluruh dunia setiap tahun. Pada tahun 2000, *economic cost* kemalangan jalan raya dianggarkan berjumlah USD518 bilion. Jumlah ini dianalisa lagi dengan melihatnya dari perspektif kebangsaan. Secara anggaran kos kemalangan jalan raya adalah 1 - 3 peratus dari Keluaran Negara Kasar (Gross National Product). Mungkin pada pringkat ini, kita sukar melihat *relevance* jumlah ini dalam kehidupan kita. Akan tetapi, jika diteliti lagi dan melihatnya dari sudut peribadi, ianya sangat signifikan. Kemalangan jalan raya memberikan impak kewangan yang ketara ke atas keluarga mangsa apatah lagi bagi yang kehilangan tempat bergantung. Ini baru melihat dari segi *economic cost*. Belum lagi melihat penderitaan keluarga yang kehilangan, ini tidak dapat kita nilai harganya.

Di Negara Brunei Darussalam, isu keselamatan jalan raya, semakin meruncing. Dari bulan Januari hingga November 2011, 38 kematian telah direkodkan. Secara purata, sepanjang sebelas bulan ini, tiga orang menjadi korban kemalangan jalan raya dalam setiap bulan. Perkara ini sangat-sangat membimbangkan.


Dari itu, isu keselamatan jalan raya ini tidak sepenuhnya dipandang ringan. Dalam mempertingkatkan keselamatan jalan raya dan mencegah sebarang kecederaan mahupun kemalangan, ianya memerlukan kerjasama kita semua. Kita mempunyai peranan kita masing-masing.

Melihat dari perspektif ini, saya ingin mengongsikan pendekatan yang digunakan dalam mengelakkan kemalangan dan kecederaan. Dalam laporan World Report on Road Traffic Injury Prevention yang dikeluarkan bersama oleh WHO dan World Bank, ada menyebutkan mengenai Haddon Matrix hasil buah fikiran William Haddon Jr. ini mengenal pasti tiga faktor utama di dalam tiga fasa yang berbeza. Faktor-faktor tersebut adalah:

- Manusia (*human*);
- Kenderaan serta peralatan (*vehicle and equipment*); and
- Persekitaran (*environment*).

Seterusnya, ketiga-tiga faktor ini dilihat melalui tiga fasa atau situasi yang berbeza, namun sama pentingnya, iaitu:-

- Sebelum kemalangan (*pre-crash*), iaitu mengelakkan kemalangan (*crash prevention*);
- Semasa kemalangan (*crash*), khususnya mengelakkan kecederaan semasa kemalangan (*injury prevention during the crash*); and
- Selepas kemalangan (*post-crash*),



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa berucap pada Majlis Penyampaian Buku Kurikulum Pendidikan Memandu Sijil Jurulatih Memandu pada hari Sabtu, 23 Zulhijah 1432 Hijrah bersamaan 19 November 2011 Masihi bertempat di Litar Latihan dan Ujian Memandu Kampung Sungai Akar.

khususnya dalam *life sustaining*, untuk mengurangkan kesan kecederaan.

Berdasarkan pendekatan ini, saya ingin menggariskan faktor manusia. Di bawah faktor manusia ini, kita boleh memainkan peranan masing-masing. Faktor ini menekankan kepentingan maklumat (*knowledge*) dan sikap (*attitude*) dalam mengelakkan kemalangan atau kecederaan (*Human Factor in the pre-crash phase*).

Mengikut statistik yang diperolehi dari Unit Keselamatan Jalan Raya, sepanjang tahun ini, sejumlah 85 kes kemalangan dicatatkan melibatkan penggunaan *flyover*, *pusing keliling (round about)* dan u-turn. Apakah kita pemandu yang kurang mahir? Bagaimana kita boleh mengurangkan risiko kemalangan apabila kita menggunakan kemudahan-kemudahan ini? Saya percaya jumlah ini boleh dikurangkan. Di sinilah pendidikan, maklumat dan sikap pemandu memainkan peranan yang penting.

Dari itu, saya sangat mengalau-alukan inisiatif Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) pada hari ini. Sebelum adanya Penerbitan Buku Kurikulum Pendidikan Sekolah Memandu edisi baru ini, kurikulum memandu yang digunakan adalah edisi tahun 1987, hampir 25 tahun yang lalu. Dalam tempoh itu banyak perubahan dan pembaharuan yang berlaku. Persekitaran dan struktur jalan raya banyak berubah. Berbanding 25 tahun yang lalu, sekarang sudah ada beberapa *flyover*, *pusing keliling* juga bertambah dan semakin besar. Kenderaan juga semakin banyak di jalan raya. Saya ingin memetik akhbar laporan dibuat oleh

Ignatius Stephen pada November 1991. Dalam laporan tersebut, beliau menunjukkan gambar seorang budak perempuan yang duduk di jendela kereta bapanya yang sedang berjalan di lebuh raya. Sekarang perkara merbahaya sebegini sudah jarang kita lihat, tapi trend yang semakin membimbangkan kita sekarang adalah penggunaan telefon bimbit dan berSMS semasa memandu. Begitulah peredaran masa. Bukan sahaja infrastruktur dan kenderaan yang berubah malahan juga sikap pemandu dan penumpang juga turut berubah.

Sehubungan ini, saya mengucapkan syabas atas penerbitan buku kurikulum edisi baru ini. Penerbitan buku ini menggambarkan kesungguhan JPD dalam meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan jalan raya. Penerbitan buku ini juga dapat membentuk sikap pemandu yang lebih berhemah.

Saya lihat terdapat beberapa pembaharuan yang dibuat, contohnya amalan pemandu ketika menerima panggilan atau SMS dan fungsi lintasan pejalan kaki. Dari itu, saya ingin menyeru para pengusaha sekolah memandu untuk menyerapkan kurikulum berkenaan sepenuhnya di dalam kaedah pengajaran mereka. Kerjasama abiskita adalah sangat diharapkan dalam membentuk pemandu-pemandu yang berdisiplin, beretika dan bertanggungjawab. Saya juga ingin melihat buku ini terus dikemas kini mengikut peredaran masa serta keadaan sekeliling kita.

Di samping penerbitan buku ini, saya ingin menyarankan beberapa pembaharuan untuk dilaksanakan ke arah peningkatan kualiti pembelajaran sekolah, iaitu:

- Pertama, melanjutkan jam latihan amali memandu yang ada pada masa ini daripada 10 jam kepada 15 jam. Ini adalah untuk menjana kemahiran yang lebih tinggi di kalangan bakal-bakal pemandu;

- Kedua, meningkatkan taraf sekolah-sekolah memandu di negara ini dengan memperkenalkan *grading system* mengikut kapasiti, kualiti pembelajaran, kualiti jurulatih dan keadaan persekitaran bangunan sekolah memandu. Bagi memudahkan pelaksanaan sistem ini, Jawatankuasa Permit Sekolah memandu perlu mempertimbangkan untuk melanjutkan tempoh pemberian permit sekolah memandu daripada satu tahun ke tiga tahun. Dengan tempoh yang panjang ini, pengusaha-pengusaha sekolah memandu akan mempunyai ruang yang cukup bagi membuat apa jua pembaikan dan peningkatan sekolah mereka tanpa sebarang keraguan;

- Ketiga, para pengusaha sekolah memandu dan jurulatih memandu yang telah menjalani kursus *defensive driving*, disarankan untuk mengongsikan maklumat ini dengan pemandu-pemandu baru. Ini akan dapat menghasilkan pemandu yang lebih mahir dan berpengetahuan.

- Keempat, memperkenalkan sistem *demerit point* khusus bagi memantau prestasi jurulatih-jurulatih memandu. Sistem pemantauan ini akan dapat membentuk jurulatih-jurulatih sekolah memandu yang lebih berdisiplin dan menekankan keberkesanannya dalam kaedah pengajaran mereka; dan

Ke muka 4

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarall,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman,
Dk. Viyy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratin Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryenty Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Azman Haji Abdul Rahim,
Hajah Rosidah Haji Ismail

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Norliah Md. Zain,
Haji Ahmad Haji Salim

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Noorali,
Majidah Hazirah Awang Lamit,
Siti Nadieya Haji Rahime

Penyuntingan

Haji Ahat Haji Ismail,
Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,
Hafizatul Atikah Abdullah

Pereka Letak

Mohammad Ike Iqrami Haji Suahaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Muhd. Zaidani Haji Zinin,
Mohammad Izzuddin Jeffree,
Ak. Muhd. Khairul Anuar Pg. Badaruddin

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Dari Sidang Pengarang.

14 JANUARI 2012 BERSAMAAN 1433 صفر 20

BUDAYA MEMBACA MENJANA RAKYAT BERILMU

BUDAYA membaca bermaksud amalan membaca pelbagai jenis buku, sama ada buku ilmiah, buku pengetahuan umum, majalah, komik, surat khabar dan lain-lain lagi. Apa yang penting, bahan yang dibaca itu boleh memberi maklumat dan juga mendatangkan manfaat bagi pembaca. Dalam usaha memperkasa budaya membaca, pelbagai inisiatif perlu dilaksanakan sebagai anjakan paradigm ke arah masyarakat yang berilmu.

Bagi mewujudkan budaya masyarakat yang suka membaca, masyarakat itu sendiri perlu mempunyai nilai suka kepada ilmu pengetahuan kerana ilmu pengetahuan sebagai pelengkap dalam zaman ledakan maklumat. Inilah yang kitani harapkan daripada masyarakat negara ini.

Kita berasa bangga kerana budaya membaca dalam kalangan kanak-kanak di negara ini begitu menggalakkan. Sebagai generasi pelapis yang bakal menjadi pemimpin pada masa hadapan, mereka harus menghayati budaya membaca ini. Dan sebagai aset negara yang terpenting, mereka bertanggungjawab untuk pembangunan dan kemajuan negara. Kitani tidak mahu budaya membaca dalam kalangan rakyat kitani jauh kettinggalan berbanding negara-negara maju lain. Dalam agama Islam, kitani di galakkan mempunyai ilmu dan mewujudkan budaya membaca. Ini dapat kitani lihat dalam wahyu pertama 'iqra' yang diturunkan kepada Nabi besar kita, Nabi Muhammad Sallalahu Alaihi Wassalam. Signifikan wahyu ini amat penting kerana ini merupakan bukti jelas akan kepentingan membaca.

Pihak-pihak tertentu seperti Dewan Bahasa dan Pustaka telah melaksanakan beberapa program sempena kempen galakan membaca. Kerjasama pihak sekolah-sekolah dalam merangka, memantau, mengurus, melaksana program galakan budaya membaca adalah sangat dihargai. Pengimplementasiannya perlu dilaksanakan secara bersistematik dan meluas untuk menjayakan program ini. Begitu juga dengan peranan ibu bapa dengan menyediakan persekitaran yang kondusif yang boleh merangsang minat anak-anak untuk membaca dengan menyediakan perpustakaan mini atau menyediakan sudut bacaan. Oleh itu budaya membaca dapat dimantapkan supaya masa yang terluang akan sentiasa diisi dengan ilmu pengetahuan dan setentunya tidak membazir masa.

Kesedaran tentang pentingnya budaya membaca merupakan titik tolak ke arah pemupukan budaya membaca dalam kalangan kanak-kanak. Mereka harus mempersiapkan diri mereka dengan kepelbagaian ilmu pengetahuan supaya mereka akan terus peka dengan perkembangan mutakhir ini. Kekangan masa tidak seharusnya dijadikan alasan untuk tidak membaca kerana membaca buku boleh dilakukan di mana-mana sahaja.

Kenalkan anak-anak dengan 'dunia buku' seperti membawa mereka ke pameran atau pesta buku. Hadiahkan mereka dengan buku dan bukan dengan barang-barang lain. Dengan ini mereka akan sentiasa 'beulit' dengan buku-buku dan akan menjadi kebiasaan mereka untuk sentiasa berdampingan dengan buku. Inilah yang wajar kitani praktikkan bagi perkembangan minda anak-anak kitani. Kitani mahukan rakyat yang berilmu yang dapat berhadapan dengan cabaran globalisasi dan melahirkan masyarakat yang cemerlang dan gemilang dengan ilmu pengetahuan.

Kitani berharap usaha-usaha yang dilaksanakan dijadikan sebagai platform untuk mendidik dan menyadarkan masyarakat tentang pentingnya budaya membaca. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab rakyat negara ini untuk memartabatkan budaya membaca sebagai amalan hidup kita setiap hari terutama sekali kanak-kanak. Mereka perlu dibiasakan dengan amalan membaca dalam usaha ke arah pembentukan modal insan yang berkaklumat dan berinovasi. — Pengarang.

Isu kepentingan bersama dibincangkan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika mengadakan perjumpaan bersama Tuan Yang Terutama Lee Kuan Yew, mantan Perdana Menteri Republik Singapura.

Laporan : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Masri Osman
dari Republik Singapura

REPUBLIK SINGAPURA, Rabu, 11 Januari.

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan meneruskan Program Lawatan Rasmi ke Republik Singapura dengan mengadakan

perjumpaan bersama Tuan Yang Terutama Lee Kuan Yew, mantan Perdana Menteri Republik Singapura.

Dalam majlis perjumpaan yang diadakan di Istana Singapura itu, Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama antara lain mengadakan perbincangan mengenai hubungan dua hala dan isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

Berangkat mengiringi DYTM ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi ketika berangkat sama dalam perjumpaan bersama Tuan Yang Terutama Lee Kuan Yew, mantan Perdana Menteri Republik Singapura.

Akhiri keberangkatan lawatan rasmi



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman ketika doa selamat dibacakan sebelum berangkat meninggalkan Republik Singapura setelah selesai mengadakan lawatan rasmi lima hari ke Republik Singapura. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.

Dari muka 1

Sebelum berangkat ke lapangan terbang, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Republik Singapura untuk mengucapkan selamat berangkat kepada Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ialah Menteri Negeri bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli dan isteri Puan Jumelah Jaa'afar; Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Joseph Koh dan isteri, Puan Peifen Chu serta pegawai-pegawai kanan kerajaan Republik Singapura.

Juga hadir di lapangan terbang bagi mengucapkan selamat berangkat ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghafar bin Haji Ismail dan datin serta pegawai-pegawai dari Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Republik Singapura.

Sepanjang berada di Republik Singapura, DYTM telah berkenan mengadakan lawatan ke

Monetary Authority of Singapore (MAS) dan ke Singapore Currency House (SCH).

Bidang pertahanan juga menjadi perhatian DYTM dengan berkenan berangkat meninjau ke Pangkalan Tentera Udara Sembawang dan ke 'Murai Urban Training Facility' di Lim Chu Kang.

DYTM juga berkenan mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.

Kemudahan Sekolah Sukan Singapura juga menjadi perhatian keberangkatan lawatan DYTM. Di sini, DYTM juga berkenan menyaksikan majlis Penandatanganan bagi Keemasukan DPMM FC ke dalam S League.

Sementara itu, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman juga berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Jacob Ballas Children's Garden yang merupakan taman kanak-kanak yang pertama di Asia yang dibina untuk memberikan peluang bagi kanak-kanak meneroka dan belajar dalam suasana sebuah taman.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi ketika doa selamat dibacakan.

Berangkat menghadiri Mesyuarat Retreat Menteri-Menteri Luar ASEAN

Laporan : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah dari Kembuja

KEMBOJA. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Retreat Menteri-Menteri Luar ASEAN yang berlangsung di Wilayah Siem Reap pada 11 Januari 2012.

Terdahulu daripada itu, keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di Grand Soluxe Angkor Palace

Resort and Spa yang mana venue berlangsungnya mesyuarat tersebut dialu-alukan oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga selaku Menteri Hal Ehwal Luar dan Kerjasama Antarabangsa Kerajaan Kembuja, Tuan Yang Terutama Hor Namhong.

Sebelum bermulanya mesyuarat tersebut, para Menteri ASEAN dan Setiausaha Agung ASEAN telah mengadakan bagi sesi bergambar ramai.

Semasa Mesyuarat Retreat tersebut, DYTM bersama dengan para menteri luar ASEAN yang lain telah membincangkan

cangan-cangan cara-cara bagi melaksanakan hasil Sidang Kemuncak ASEAN dan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan dengannya pada November tahun lalu di Republik Indonesia serta keutamaan ASEAN bagi tahun ini, di samping membincangkan bagi persiapan Sidang Kemuncak ASEAN bulan April 2012 depan.

Mesyuarat ini merupakan mesyuarat pertama Menteri-Menteri Luar ASEAN sejak Kembuja menjadi Penggerusi ASEAN.

DYTM dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mansurah Izzul Bolkiah berangkat meninggalkan Siem Reap pada sebelah petangnya.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ketika dialu-alukan oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga selaku Menteri Hal Ehwal Luar dan Kerjasama Antarabangsa Kerajaan Kembuja, Tuan Yang Terutama Hor Namhong sejurus keberangkatan di Grand Soluxe Angkor Palace Resort dan Spa.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bersama Menteri-Menteri Hal Ehwal Luar Negeri negara-negara ASEAN pada Mesyuarat Retreat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) berlangsung di Grand Soluxe Angkor Palace (kiri).



DULI Yang Teramat Mulia semasa berangkat pada Mesyuarat Retreat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) (kanan).



DYTM bergambar ramai bersama rakan-rakan sejawat sejurus keberangkatan tiba.

Dari muka 2

v. Kelima, Jabatan Pengangkutan Darat perlu mempercepatkan proses pelaksanaan sistem berkomputer E-highway Code di keempat-empat daerah. Dengan pelaksanaan sistem ini, ujian undang-undang jalan raya tidak lagi dijalankan secara bertulis (*manual*). Sistem ini akan menambahkan lagi keberkesanan dan ketulusan proses

ujian memandu di negara ini selari dengan amalan-amalan di negara jiran.

Saya juga berharap agar kurikulum baru itu akan turut dimanfaatkan oleh para pemandu dan pengguna jalan raya dan ia seharusnya dijadikan sebagai garis panduan dan rujukan untuk mengemas kini pengetahuan semua dalam peraturan lalu lintas dan jalan raya.

Sebagai pengguna jalan raya, kita dapat berusaha untuk mengelakkan kemalangan dan kecederaan. Langkah-langkah mudah seperti memasang tali pinggang keselamatan dapat memberikan impak yang besar. Sikap kita sebagai pemandu yang berhemah dan mengutamakan keselamatan dapat menjadikan jalan raya kita lebih selamat.

Esok, 20 November 2011, hari Ahad ketiga dalam bulan November, merupakan Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Kemalangan Jalan Raya Sedunia (World Day of Remembrance for Road Traffic Victims). Sambutan pada tahun ini membawa tema Form Global Remembrance to Global Action across the decade. Sejak Pelancaran Decade of Action

for Road for Road Safety pada bulan Mei 2011 lalu, pelbagai usaha telah dilaksanakan Majlis Keselamatan Jalan Raya bersama agensi-agensi yang berkaitan, untuk menggariskan isu keselamatan jalan raya. Usaha sebegini akan terus dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan komitmen semua pihak dalam mengutamakan kesela-

matan jalan raya.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam mengusahakan penerbitan buku kurikulum ini. Mudah-mudahan komitmen dan usaha-usaha yang disumbangkan ini akan dapat mencapai matlamat yang dihasratkan.

Menteri Kesihatan tinjau bahagian-bahagian dan perkhidmatan-perkhidmatan Hospital PIHM

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Khamis, 12 Januari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha ke arah memperkuuhkan sistem kesihatan bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang efisien dan berkualiti tinggi bagi para penduduk di negara ini termasuklah penduduk di Daerah Temburong.

Ke arah itu, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof membuat lawatan ke Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM), di Pekan Bangar di sini.

Lawatan dibuat sejurus selepas berlangsungnya Pelancaran Bot Ambulans Laut khusus bagi Hospital PIHM di Jeti Jabatan Daerah Temburong,

Pekan Bangar.

Antara yang dilawati Yang Berhormat ialah Unit Kemalangan dan Kecemasan, Bahagian X-Ray, wad-wad lelaki dan kanak-kanak serta wad perempuan.

Lawatan Yang Berhormat adalah untuk meninjau dengan lebih dekat bahagian-bahagian dan perkhidmatan-perkhidmatan di bawah Hospital PIHM bagi memastikan sistem penjagaan yang komprehensif, di samping sistem peraturan dan pentadbiran yang telus dan proaktif.

Menyertai lawatan Yang Berhormat ialah Setiausaha Tetap di kementerian berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Salam bin Abdul Momin dan Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional dan Teknikal), Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dan Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Haris bin Othman juga hadir semasa lawatan Yang Berhormat ke hospital berkenaan.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof ketika melawat wad Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam. - Foto : Nurhidayah Haji Kamis.

Budaya membaca akan melahirkan para pendidik yang berkaliber



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan hadiah kerajinan membaca 2011 kepada seorang penerima. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Oleh : Abdullah Asgar,
Mohd. Fathullah Fuad Haji Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Januari. - Negara yang dapat menanamkan budaya membaca dalam kalangan rakyat dan penduduknya terutama sekali dalam kalangan generasi muda dan remaja, merupakan sebagai pewaris dan pemimpin bangsa dan negara masa hadapan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menjelaskan, hal itu akan melahirkan bangsa yang suka membaca pada sepanjang hayat dan mengamalkan kehidupan yang berdasarkan ilmu pengetahuan.

Katanya, mereka juga akan terus belajar membuat penyelidikan dan mempunyai nafsu kreatif dan inovatif untuk melakukan dan membuat penemuan baru.

Yang Berhormat berucap demikian ketika merasmikan Majlis Pelancaran Memperkasa Budaya Membaca 2012 di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, di sini.

Tambahnya, sekali gus budaya membaca akan melahirkan para pendidik yang berkaliber, para pentadbir dan pengusaha yang berwawasan, para pemikir negara yang matang dan mempunyai pemikiran yang jauh ke hadapan dan lapisan masyarakat yang mempunyai kemahiran, berwawasan dan sentiasa berfikiran positif.

“Sebagai sebuah negara Islam dan masyarakat yang berpegang kepada konsep Melayu Islam Beraja sudah barang setentunya keperluan membaca dan pentingnya menuntut ilmu di sepanjang hayat di dalam kehidupan baik secara individu, masyarakat dan bernegara adalah

sudah jelas kepentingannya. Kita perlu bangkit dan bangun kepada seruan *iqra yakni bacalah* yang terkandung di dalam Al-Qur'an,” terangnya.

Yang Berhormat menyatakan, kita perlu menyedari bahawa membaca itu adalah kunci kepada segala ilmu pengetahuan, kepandaian dan kepintaran. Manakala jaminan keselamatan serta kesempurnaan bagi kehidupan kita di dunia dan akhirat.

Adalah menjadi tanggungjawab negara katanya, untuk menjadikan penduduk negara ini betul-betul berilmu dalam erti kata menerima dan memperolehi ilmu itu melalui pendidikan dan pembacaan, program ke arah ini mestilah disediakan.

Antara negara maju pula tambahnya, kadar penduduknya yang membaca ada yang satu muka surat dalam setahun dan kita pula walaupun belum ada kajian mungkin saja di bawah kategori satu baris setahun, jika ini betul maka pembudayaan membaca adalah menjadi satu perkara yang patut diutamakan dalam program pembangunan negara kita.

“Mengikut satu kajian ada di antara negara membangun mempunyai kadar penduduknya yang hanya membaca satu baris dalam setahun atau paling banyak setengah muka surat setahun,” jelasnya.

Justeru itu katanya, budaya membaca merupakan sebagai jendela pengetahuan yang akan membuka dan menyuburkan minda segenap lapisan rakyat dan penduduk dengan berbagai keilmuan yang dapat menghasilkan pemikir yang pintar, kritis, berfikir secara bernalas, kreatif dan inovatif. Pokoknya ialah ‘bangsa yang mengamalkan budaya membaca adalah bangsa yang berjaya dan yang sentiasa inginkan perubahan.

Sesi dialog pendidikan memupuk kesefahaman bersama pemimpin-pemimpin masyarakat

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Januari. - Dalam usaha untuk memupuk kesefahaman antara Kementerian Pendidikan dan pihak-pihak yang berkepentingan khususnya mengenai usaha-usaha dan perkembangan terkini dalam pendidikan, Kementerian Pendidikan meneruskan Sesi Dialog Pendidikan bersama pemimpin-pemimpin masyarakat di Daerah Brunei dan Muara.

Bertempat di Dewan Muhibah, Pejabat Daerah Brunei Muara, sesi dialog berkenaan dihadiri oleh pemimpin-pemimpin masyarakat yang terdiri dari Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara merangkap penghulu mukim, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung.

Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni dalam ucapan alu-aluananya berkata perubahan dalam sistem pendidikan adalah perlu bagi memenuhi tuntutan perubahan zaman dari masa ke masa, di samping meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan serta kapasiti sumber tenaga manusia.

Menjelang tahun 2035 jelasnya, Kementerian Pendidikan berhasrat menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan serta kehidupan yang berkualiti tinggi.

Sesi dialog diteruskan dengan taklimat Perintah Pendidikan Wajib 2007 dan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21)



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni semasa Sesi Dialog Pendidikan bersama pemimpin-pemimpin masyarakat di Daerah Brunei dan Muara. - Foto : Pengiran Haji Bahar Pengiran Haji Omar.

yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Pengiran Hajah Sarah binti Pengiran Haji Kamaluddin dan Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nawi.

Dalam taklimat Perintah Pendidikan Wajib 2007, Pengiran Hajah Sarah berkata perintah berkenaan merupakan satu inisiatif utama negara melalui Kementerian Pendidikan dalam memastikan setiap anak di berikan hak untuk mendapat pendidikan di mana pelanggaran peruntukan undang-undang tersebut akan menyebabkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang melanggarinya.

Manakala bagi taklimat Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21), Awang Haji Abdul Rahman antara lain menyentuh mengenai struktur laluan pelajar di dalam SPN21 dan turut menerangkan mengenai pelbagai laluan yang boleh diikuti pelajar untuk menuju peringkat tinggi pendidikan berdasarkan kecenderungan dan kemampuan para pelajar.

Sesi dialog tersebut merupakan antara perancangan berterusan kementerian berkenaan sebagai *platform* perbincangan dua hala antara Kementerian Pendidikan bersama pemimpin-pemimpin masyarakat mengenai isu-isu semasa yang berkaitan dengan pendidikan di negara ini yang mana ianya juga pernah diadakan di Daerah Belait, Tungku dan Temburong.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai tinggi kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Kementerian Kesihatan berikan kemudahan kondusif kepada pesakit

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN. - Dengan bertambahnya lagi kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan akan dapat menaikkan taraf dan memberikan kemudahan-kemudahan yang lebih kondusif dan selesa kepada pesakit-pesakit.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yussof menyatakan perkara tersebut pada Majlis Perasmian Wad 23, Wad 25 dan Mes Doktor yang berlangsung di Tingkat 4, Blok 1, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) pada 11 Januari 2012.

Menurutnya, wad-wad baru yang lebih selesa dan *up-to-date* dengan kemudahan-kemudahan ini akan mempertingkatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan rawatan yang diberikan oleh para pakar, doktor, jururawat dan semua ahli-ahli profesional dalam memberikan perkhidmatan yang lebih efisien, produktif dan berkesan semata-mata untuk menaikkan lagi taraf perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini.

Komplikasi pesakit-pesakit jelasnya, dapat ditangani oleh para pakar dan doktor bukan saja dalam kalangan para pakar dan doktor dari luar negeri tetapi beliau juga berharap supaya para pakar dan doktor tempatan akan dapat berganding bahu bersama-sama untuk meningkatkan lagi prestasi yang ada pada masa ini.

Menyentuh Mes Doktor, Yang Berhormat berharap para pakar dan doktor akan dapat menggunakan dengan sepenuhnya iaitu dengan mengadakan perbincangan bersama para pakar dan doktor yang lain.

Yang Berhormat seterusnya menyeru agar para pakar dan doktor akan dapat mengadakan pro-

gram-program seperti melawat pesakit-pesakit di luar daripada hospital yang perlu dirawat dari semasa ke semasa bagi memperlihatkan keprihatinan kepada mereka.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Unit Ugama Hospital RIPAS, Awang Haji Khamis bin Haji Damit.

Yang Berhormat kemudian merasmikan wad-wad tersebut, diikuti dengan bacaan doa selamat.

Kemudian, Yang Berhormat melawat Wad 25 yang menempatkan pesakit *ortopedik* lelaki dan perempuan.

Wad tersebut mempunyai empat *cubicles* dan setiap *cubicle* mengandungi enam buah katil dan dua bilik pengasingan yang mana jumlah katil secara keseluruhannya ialah 26 buah katil.

Jururawat akan membuat pemantauan serta rawatan ke atas pesakit di setiap *cubicle* yang mengandungi enam orang pesakit secara 'Bay System', sementara Bilik Pengasingan adalah khusus bagi menempatkan pesakit yang menghidap penyakit berjangkit.

Seramai 12 orang pesakit *ortopedik* lelaki dari Wad 8 dan 11 orang pesakit *ortopedik* perempuan dari Wad 7 telah pun dipindah ke Wad 25 pada 10 Januari 2012.

Yang Berhormat seterusnya melawat Wad 23 iaitu wad persendirian yang mengandungi 12 buah bilik termasuk sebuah Bilik Pengasingan.

Bilik-bilik tersebut terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori 'A' sebanyak tiga buah yang dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan katil dan tilam pesakit, Wall Mounted Oxygen, *air and vacuum*, punat panggilan bantuan dan kecemasan, televisyen, almari, katil sofa, set kerusi untuk pelawat peti sejuk, bilik mandi dan tandas.

Sementara itu, sebanyak lapan buah bilik Kategori 'B' disediakan yang juga mempunyai kemudahan dan peralatan yang sama kecuali tidak mempunyai katil sofa.

Wad-wad tersebut juga dilengkapi dengan kemudahan asas seperti perabot pejabat, kaunter



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yussof semasa melawat para pesakit di Wad 25, Wad Ortopedik.

jururawat, bilik rawatan, bilik penyimpanan ubat, stor *linen*, stor peralatan/barang, bilik kakitangan, bilik pembersih, bilik On-Call dan dapur.

Pihak Pengurusan Hospital RIPAS akan terus berusaha memperkasakan perkhidmatan perawatan pesakit sejak sejarah dengan visi dan misi Kementerian Kesihatan.

Penubuhan wad-wad baru ini adalah kesinambungan usaha Kementerian Kesihatan dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada para pesakit.

Tujuannya adalah untuk menampung jumlah kapasiti pesakit hospital yang kian meningkat setiap tahun, di samping menambahkan keselesaan dan menambah kepuasan hati para pesakit

khususnya melalui perancangan dan penyediaan keperluan kemudahan serta peralatan yang canggih dan terkini demi mencapai kecekapan pengurusan para pesakit.

Sementara itu, Mes Doktor yang telah dinaik taraf, dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk membolehkan para doktor mengendalikan aktiviti-aktiviti kebajikan dan sosial demi menggerakkan lagi silaturahim antara sesama sendiri pada semua peringkat pegawai perubatan.

Yang Berhormat juga menyampaikan sijil penghargaan kepada pihak Bank Tabung Amanah Islam Brunei atas sumbangan papan-papan tanda yang diletakkan pada beberapa tempat Hospital RIPAS yang mengandungi petikan ayat-ayat Al-Qur'an, doa dan selawat penyembuh.



SEBAHAGIAN dari kemudahan yang ada di Bilik Wad Persendirian di Wad 23.

MAKLUMAN

Pendaftaran Peperiksaan
Brunei-Cambridge G.C.E 'O', 'AS', 'A'
Level Mei-Jun 2012 dibukakan

JABATAN PEPERIKSAAN, Kementerian Pendidikan telah membuka pendaftaran Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E peringkat 'O'/AS' dan 'A' Level Mei/Jun 2012.

Pendaftaran Peperiksaan adalah dibuka kepada calon-calon sekolah bagi penuntut-penuntut yang berkenaan pada tahun ini tertakluk kepada sokongan pengetua dan pendaftaran mestilah melalui sekolah masing-masing dan calon-calon persendirian yang layak mengikut syarat-syarat pendaftaran peperiksaan, seperti yang dinyatakan dalam Surat Pemberitahuan, Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang ber-

kaitan dengan pendaftaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat dibuka mulai 5 Januari hingga 16 Februari 2012. Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima barang pendaftaran yang telah dilengkapkan pada setiap hari Isnin hingga Khamis di sebelah pagi mulai jam 8.00 hingga 11.00 pagi dan di sebelah petang mulai jam 1.30 hingga 3.00 petang dan hari Sabtu dari jam 8.00 hingga 10.00 pagi.

Borang-borang pendaftaran peperiksaan yang telah dilengkapkan beserta dengan dokumen yang dikehendaki hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan tidak lewat daripada 16 Februari

75 peserta ikuti Taklimat SLP

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

TUTONG. - Pusat Pekerjaan Tempatan merupakan salah satu bahagian di Jabatan Buruh yang mempunyai peranan penting dalam membantu anak-anak tempatan mencari pekerjaan dalam sektor swasta, Pusat Pekerjaan Tempatan mengadakan Taklimat Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP)

memantapkan lagi keberkesanannya pusat tersebut dan mengenal pasti cara-cara berkesan untuk membantu dan menggalakkan anak-anak tempatan mencari pekerjaan dalam sektor swasta, Pusat Pekerjaan Tempatan mengadakan Taklimat Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP)

di bawah Dana Sumber Manusia bagi jawatan pembersih melibatkan lebih 75 peserta di Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Dewan Seri Kenangan pada 10 Januari 2012.

Para peserta diberikan taklimat ringkas oleh Pemeriksa Buruh, Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja, Dayang Hajah Rusilawati binti Haji Judin menyampaikan taklimat.



yang antara lain menyentuh mengenai objektif taklimat iaitu bagi menyebarluaskan maklumat mengenai SLP dan Peranan APTK.

Dayang Hajah Rusilawati menjelaskan, APTK berperanan mendaftarkan nama-nama pencari kerja tempatan mengikut syarat-syarat permohonan dan menyediakan perangkaan Pencari Kerja Tempatan.

Beliau juga menjelaskan mengenai SLP dan objektifnya iaitu memberi peluang anak-anak tempatan untuk diberikan kemahiran-kemahiran kerja yang bersesuaian bagi menyalut Wawasan Brunei 2035 dan membantu dalam mengurangkan jumlah pencari kerja tempatan berkelulusan rendah dan tiada kemahiran serta dapat mengurangkan jumlah pengangguran di negara ini.



SEBAHAGIAN anak-anak tempatan yang mencari pekerjaan hadir pada Taklimat Skim Latihan dan Pekerjaan.

Pengagihan poster sempena Sambutan Hari Polis Ke-91 Tahun



Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) mengadakan Majlis Pelancaran Poster Sempena Sambutan Hari Polis Ke-91 Tahun 2012 bertempat di Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Polis, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendekar Alam CP Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu hadir selaku tetamu kehormat dalam Majlis Pelancaran Poster Sempena Sambutan Hari Polis Ke-91 Tahun 2012. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Seperti tahun-tahun yang lalu, pelancaran poster adalah salah satu acara sempena Sambutan Hari Polis Ke-91 Tahun.

Poster-poster tersebut diagih-agihkan kepada pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai PDB.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Pesuruhjaya Polis (Pengurusan), DCP Bahrin bin Mohd. Noor, pengarah-pengarah, timbalan-timbalan pengarah, pegawai-pegawai pemerintah, ketua-ketua unit dan formasi, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai PDB.

Sambutan kemuncak Sambutan Hari Polis Ke-91 Tahun 2012 adalah acara perbarisan yang dijadualkan berlangsung pada 18 Januari 2012 bertempat di Padang Kawad Pusat Latihan Polis.

Tiga pegawai dinaikkan ke pangkat ASP



PESURUHJAYA Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendekar Alam CP Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu menyerahkan surat lantikan kenaikan pangkat kepada seorang Ketua Inspektor yang dinaikkan ke pangkat Penolong Penguasa Polis. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Oleh :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Januari. - Tiga Ketua Inspektor (Chief Inspector) Pasukan Polis Diraja Brunei dinaikkan pangkat ke pangkat Penolong Penguasa Polis (Assistant Superintendent Police - ASP) dalam Majlis Penyerahan Surat Lantikan Kenaikan Pangkat.

Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendekar Alam CP Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu hadir selaku tetamu kehormat dan menyem-

purnakan majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna Pusat Latihan Polis, Gadong.

Tiga pegawai yang dinaikkan pangkat itu ialah Ketua Inspektor Pengiran Muhammin bin Pengiran Haji Mustapha, Ketua Inspektor Mohamed bin Mohd. Tarif dan Ketua Inspektor Pengiran Shaiful Rezal Malek Faesal bin Pengiran Haji Merali.

Juga hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis (Pengurusan) DCP Bahrin bin Mohd. Noor, pengarah-pengarah, timbalan pengarah, pegawai-pegawai pemerintah, ketua-ketua unit dan formasi, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai serta keluarga pegawai-pegawai berkenna.

Brunei bijak melabur dalam bidang pendidikan bersama Britain

Oleh :
Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Januari. - Pendidikan Britain Brunei diharap akan dapat memastikan rakan kongsi pendidikan laluan dua hala di sekolah-sekolah, universiti-universiti dan rakan penyelidikan Britain dalam menyediakan politeknik baru mengenai pendidikan menengah di Negara Brunei Darussalam.

Setakat ini, sebanyak lapan buah sekolah dan pusat tingkatan enam telah dipilih bagi menyertai Anugerah BUBA dan pemenang akan berpeluang melawat universiti-universiti terkemuka di Britain nanti.

Brunei Darussalam dengan menawarkan Anugerah BUBA kepada penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam yang mengikuti kursus yang berkaitan dengan penyelidikan di sesebuah universiti Britian.

Menurut Tuan Yang Terutama, Negara Brunei Darussalam telah melabur dengan bijak dalam bidang pendidikan dan menjadi rakan kongsi yang sepakat dalam pendidikan bersama Britain sejak berahun-hahun lagi.



PESURUHJAYA Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Rob Fenn mengadakan Sidang Media di Ibu Pejabat Centre for British Teachers (CfBT) di Kampung Kiarong. - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Kongsi maklumat pendidikan dengan pemimpin masyarakat

Oleh : Aryenty Haji Ariffin

TUTONG, Rabu, 11 Januari. - Sebagai usaha untuk terus memupuk kesefahaman antara Kementerian Pendidikan dan pihak-pihak yang berkepentingan, kementerian tersebut mengadakan Sesi Dialog Pendidikan Bersama Pemimpin-Pemimpin masyarakat di daerah ini.

Sesi dialog diketuai oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni yang turut disertai ketua pengarah pendidikan, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan diadakan di dewan kediaman rasmi Pegawai Daerah Tutong, di sini.

Awang Haji Mahrub dalam ucapan alu-aluannya menyatakan, sesi dialog tersebut merupakan usaha berterusan kementeriannya dalam mengongsikan maklumat-maklumat mengenai perkembangan dan perancangan pendidikan di negara ini dan seterusnya

sebagai wadah perbincangan dua hala perbincangan kementerian berkenaan bersama pemimpin-pemimpin masyarakat mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan.

Kementerian Pendidikan, tambahnya, berharap sesi tersebut menjadi titik mula bagi menjelaskan kemoskilan yang ada dan seterusnya mewujudkan hubungan yang lebih dekat antara pemimpin-pemimpin masyarakat dan pihak kementeriannya terutama dalam pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) yang dilancarkan pada tahun 2009.

Pada sesi tersebut beliau mengalui-alukan mereka menyampaikan pandangan, maklum balas cadangan dan juga idea yang difikirkan dapat menyumbang kepada merealisasikan peningkatan pelaksanaan sistem pendidikan yang berkualiti tinggi.

Beliau berharap sesi dialog tersebut membawa perkongsian dan perbincangan yang lebih mendalam, telus dan bermanfaat yang bukan sahaja

akan dapat membantu para pemimpin masyarakat mengongsikan dan menyampaikan maklumat kepada penduduk dan rakyat jelata bahkan juga menyokong terhadap pelaksanaan perintah dan sistem pendidikan.

Sesi dialog dimuatkan dengan taklimat mengenai Perintah Pendidikan Wajib 2007 dan taklimat mengenai SPN21.

Taklimat Perintah Pendidikan Wajib disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Kerja, Urusetia Majlis Pelajaran Kebangsaan, Awang Julaihi bin Mohamad, sementara taklimat SPN21 disampaikan oleh Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nawi.

Sesi dialog tersebut turut dihadiri Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahid dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Muhd. Suffian bin Haji Bungsu.



KETUA rombongan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni menyampaikan ucapan alu-aluan bagi memulakan majlis. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

KHEU adakan Majlis Tahlil, Doa Arwah



MAJLIS Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah bagi Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin di Pusat Da'wah Islamiah. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah bagi Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj ibni Al-Marhum

Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah itu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Juga hadir ialah, Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu

Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap serta warga KHEU.

Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Pegawai Masjid di Masjid di Masjid Omar 'Ali

Saifuddien, Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Emran bin Haji Kuncang.

Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj di lahirkan pada 8 Mac 1929 di Kampung Sumbiling Lama, Jalan Stoney di Bandar Seri Begawan dan menghembuskan nafas terakhirnya pada usia 82 tahun.

Allahyarham Yang Amat Mulia meninggalkan seorang balu, enam anak dan 16 cucu.

Antara rahsia kejayaan semasa memegang jawatan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama ialah Allahyarham Yang Amat Mulia begitu mesra dan sering bertukar fikiran dengan semua peringkat pegawai dan kakitangannya dan juga menggunakan dasar *amar makruf nahi mungkar*.

Di samping itu, Allahyarham juga bergiat aktif dalam jawatankuasa bagi majlis-majlis negara dan bagi menge-nang jasa Allahyarham, Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menganugerahkan beberapa pingat dan bintang-bintang kebesaran serta gelaran termasuk 'Anugerah Jasawan Ugama pada tahun 1418 Hijriah bersamaan 1997 Masihi.

Ahli MMN bantu rakyat tangani masalah

Oleh :
Hezlinawati Haji Abd. Karim

TEMBURONG, Selasa, 10 Januari. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) (Wakil Rakyat Yang Dilantik) mempunyai peranan dalam membantu dan menangani masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung untuk disuarakan kepada agensi-agensi yang berwajib dalam sama-sama membantu penduduk kampung yang mempunyai masalah yang harus difikirkan untuk diberikan perhatian sewajarnya.

Untuk memberi pendedahan kepada penduduk kampung akan peranan Ahli MMN itu satu sesi perjumpaan Ahli MMN (Wakil Rakyat Yang Dilantik), Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, bersama penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) khusus bagi Daerah Temburong diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar, di sini.

Pada majlis itu Yang Berhormat

berkata, melalui sesi perjumpaan seumpamanya sedikit sebanyak dapat mengetahui tentang apa yang perlu disuarakan kepada Wakil Rakyat untuk dibawa ke Mesyuarat Tertinggi khususnya Mesyuarat Negara nanti.

Yang Berhormat berharap agar perjumpaan sedemikian akan dapat membuka mata orang ramai bagi menyuarakan permasalahan yang ditimbulkan oleh rakyat dan penduduk khususnya di Daerah Temburong.

Sementara itu, Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Haris bin Othman selaku tetamu kehormat majlis berharap agar mereka yang hadir pada sesi perjumpaan itu akan dapat menyuarakan dan membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di mukim dan kampung di Daerah Temburong.

Perbincangan, perbahasan dan menangani isu-isu atau masalah-masalah yang disuarakan di peringkat akar umbi dengan lebih matang dan profesional dalam suasana hormat-menghormati dan *mahabbah* dan seterusnya memberikan cadangan-cadangan yang

bernas dan bijaksana ujarnya akan dapat mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035, di samping memantapkan dan menghayati konsep Melayu Islam Beraja (MIB) serta menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir.

Katanya, dengan adanya platform sedemikian serta penghayatan terhadap Sistem Pemerintahan Beraja yang sudah terbukti berjaya, penghayatan terhadap konsep MIB dan usaha ke arah mencapai sebuah Negara Zikir itu merupakan antara ciri-ciri atau cara-cara mahupun tanda-tanda pencapaian awal ke arah menuju jalan penyelesaian dan pelaksanaan tindakan yang terbaik terhadap persoalan-persoalan, isu-isu atau masalah-masalah rakyat yang akan dibincangkan.

Selain itu, Pegawai Daerah Temburong juga mengajak mereka yang hadir pada sesi itu, agar sama-sama memikirkan projek-projek atau



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Haris bin Othman berucap pada Sesi Perjumpaan Bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara (Wakil Rakyat Yang Dilantik), Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, bersama penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan Ahli-ahli MPMK khusus bagi Daerah Temburong diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar. - Foto : Ihsan.

program-program mahupun penambahbaikan yang perlu atau pihak-pihak yang berkepentingan atau kerajaan usahakan dan laksanakan untuk mencapai wawasan masing-masing namun perlu sejahtera atau selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Pelbagai isu disuarakan pada sesi perjumpaan itu, antaranya menjadikan Taman Rekreasi Batang Duri kepada Taman Safari sebagai tarikan pelancong, memantau aktiviti meracun udang galah serta saranan bagi pembinaan terminal bas.

Musabaqah Tilawah Al-Qur'an, Hafazan dan Tafsiran sempena penubuhan UNISSA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Januari. - Bersempena dengan lima tahun penubuhannya pada tahun ini, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) akan mengadakan Musabaqah Tilawah Al-Qur'an, Hafazan dan Tafsiran bagi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Serantau 1433 Hijriah/2012 Masihi.

Ia merupakan projek berkala yang diungkayahkan oleh UNISSA sebagai usahanya menjunjung Al-Qur'an Al-Karim pada tempat yang setinggi-setingginya.

Perkara ini diumumkan oleh Pejabat Jawatankuasa Kerja Musabaqah Tilawah Al-Qur'an, Hafazan dan Tafsiran IPT Serantau, Awang Ahmad Abdussalam bin Abdul

Rahman pada Sidang Akhbar yang berlangsung di UNISSA.

Musabaqah Tilawah Al-Qur'an ini jelasnya, akan diadakan pada hari Ahad, 21 Safar 1433H bersamaan dengan 15 Januari 2012 Masihi bermula pukul 8.30 pagi bertempat di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas (ICC).

Menurut beliau, sebanyak dua kategori akan dipertandingkan iaitu Kategori Mahasiswa dan Kategori Mahasiswa yang akan menyaksikan penyertaan jemputan IPT rantau Asia Tenggara bagi sama-sama memeriahkan lagi Sambutan Lima Tahun Penubuhan UNISSA dan menghidupkan suasana cintakan Al-Qur'an.

Jelasnya, silibus Musabaqah kali ini

akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Tilawah Al-Qur'an (membaca Al-Qur'an dengan berlagu atau *taramnum*) sebanyak 12 *magra* yang telah ditentukan, bahagian Hafazan iaitu menghafal Surah Al Baqarah (Dua Juz lebih) dan bahagian Tafsiran iaitu tafsir Surah Yaa Siin.

Beliau berkata, sebanyak 12 peserta akan bertanding dalam musabaqah kali ini mewakili IPT dalam negeri dan Asia Tenggara dan lima daripadanya adalah mahasiswa.

UNISSA jelasnya akan menghantar empat peserta; Universiti Brunei Darussalam seorang peserta; Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menghantar dua peserta; Institut Pengajian Tinggi Al-Zuhri Singapura dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) masing-masing menghantar dua peserta, manakala Universiti Islam Yala,

Thailand menghantar seorang peserta.

Antara objektif Musabaqah Tilawah Al-Qur'an itu ujar Awang Ahmad Abdussalam ialah bagi melahirkan qari dan qariah baru yang berkualiti serta berkemampuan daripada kalangan pelajar IPT, selain sebagai satu cara berdakwah untuk mendalami ilmu Al-Qur'an daripada sudut bacaan, hafazan dan pemahaman isi kandungan melalui tafsirannya.

Di samping itu tambahnya, ia juga bagi merealisasikan visi UNISSA yang menjunjung Al-Qur'an sebagai asas bagi kewujudan sebuah universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik berteraskan Al-Qur'an dan Al-Sunnah.

Pada kesempatan tersebut, Awang Ahmad Abdussalam turut mengalu-alukan orang ramai untuk sama-sama hadir ke musabaqah itu nanti.



PENGGERUSI Bersama Jawatankuasa Kerja Musabaqah Tilawah Al-Qur'an, Hafazan dan Tafsiran Institusi Pengajian Tinggi Serantau, Awang Ahmad Abdussalam bin Abdul Rahman berucap pada Sidang Media. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.


**ISTILAH PELANCONGAN
PENGEMBANGAN /
PEMBANGUNAN :**
BAHASA INGGERIS

casual nature tourist
catchment area
cave diver
cave diving
caving
celebrity testimonials
centralized booking centre
characteristic of tourist charter boat
charter holidays
charter tourist
Chicago Convention circle itinerary
circle trip
circuit tourism trips
circular routes
circumnavigate
Circumnavigators Club
city codes
City Ticket Office
civil aircraft
clearance procedure
climate-conditioned foods
clipping service
closed check
closed date
club car
cluster attraction
cluster development
coastal cruise
coastal tourist
coastal zone management
cock fighting
co-development
cogeneration
cognitive-normative tourism models
cold call
cold list
Collision Damage Waiver (CDW)
combination destination
comfort index
commercial agency
commercialisation of tourism
commissary
commission override
commissionable packages
commissionable tour
common interest tourism
common lodging house
community
community obstacles
community planning
community relation
community tolerance
community-tourism interaction
commuter
compactness index
comprehensive development planning
concentrated development strategy
concept facility
conceptual planning
concrete jungle
condo vacation
confirmation number
confirmation slip
connecting point
conservationist
Consolidated Tour Manual
consolidation stage of resort evolution
conspicuous consumption
consumer-driven tourism
consumptive tourist

BAHASA MELAYU

pelancong alam kasual kawasan tадahan penyelam gua penyelaman gua penjelajahan gua testimoni terkenal/ testimoni selebriti pusat penempahan terpusat ciri pelancong bot catar percutian catar pelancong catar Konvensyen Chicago jadual keliling/ itinerari keliling trip keliling perjalanan litar pelancongan jalanan berlitar pelayaran keliling (laut) Kelab Pelayar Keliling kod bandar Pejabat Tiket Bandar pesawat awam prosedur pelepasan makanan disuai iklim layanan berkurang cek tutup tarikh tutup kereta kelab penarikan kelompok pembangunan kelompok pelayaran sisir pantai pelancong sisir pantai pengurusan zon pesisiran sabung ayam pembangunan bersama penjanaan bersama model pelancongan kognitif-normatif sambutan dingin senarai dingin Pengecualian Kerosakan Pelanggaran destinasi gabungan indeks selesa agensi komersial komersialisasi pelancongan wakil pembayaran komisen diketepikan paket dikomisenkan lawatan dikomisenkan pelancongan minat umum rumah penginapan umum masyarakat/komuniti kekangan masyarakat perancangan masyarakat hubungan masyarakat toleransi masyarakat interaksi pelancongan-masyarakat komuter indeks kepadatan perancangan pembangunan lengkap/perancangan pembangunan komprehensif strategi pembangunan tertumpu kemudahan konsep perancangan berkoncep hutan konkrit percutian kondominium nombor pengesahan slip pengesahan tempat penghubung ahli pemeliharaan manual lawatan bergabung tahap penyatuhan evolusi tempat peranginan penggunaan melampau pelancongan penggerak pengguna pelancong konsumtif

Bersambung

Halaman Puisi ... Halaman Puisi ... Halaman Puisi ...

ROKOK OH ROKOK

Mengapakah tembakau terlalu memukau kalau dihisap ia meresap ke seluruh saraf.

Tembakau sejenis rokok ia tidak memberi kesan hari ini tetapi tunggulah pada hari esok ia berjalan amat perlakan kesannya amat membebankan.

Padahal rokok senang dibuang tiada siapa yang menghalang begitu juga kalau dihentikan hanya hati terlalu sayang-sayangan.

Keraskan hati jangan amalkan jagalah kesihatan sekujur badan undang-undang memberi ingat supaya kita sihat dan selamat selagi segar dan belum terlambat.

Larangan doktor tidak diyakini merokok tidak memberi mati malah lebih syok dan seronok baik muda maupun tua bongkok.

Hingga tercipta suatu istilah "biar ku inda makan sehari, jangan ku inda besigup" itulah ketagih yang amat parah menahan rasa resah-gelisah.

Apakan dibuat tidak menjadi pusing kanan dan pusing kiri timbul sahaja panas hati begitulah sikap si perokok sejati.

Mufti juga sudah mengingatkan merokok itu hukumnya haram tapi apa sudah jadi semuanya itu telah diingkari masuk telinga kanan keluar telinga kiri.

KEHIDUPAN YANG MELIMPAH

Kalau sudah rezeki menyinggah kepada siapa ia melimpah itulah curahan rahmat dari Allah kepada hamba-Nya yang taat dan tabah taat beriman dan bermutualah.

Kalau sudah menjadi rezeki terasalah tenang di dalam hati' betapa wajah tetap berlinang sanak saudara juga harus dikenang alangkah lega hatinya riang.

Kalau sudah kehidupan berupa hormatilah ibu dan bapa besar dan kecil tua dan muda tegur dan sapa selalu ada janganlah bagai bertutup mata.

Adat lama jangan dilupa orang tua paling diutama apatah lagi untuk megenangnya walau diunjuk ala kadarnya betapa segar sekujur badannya.

Walaupun ibu bapa sendiri dan sanak saudara dekat sekali ia tidak akan datang ke sisi untuk minta diunjuki itulah sikap yang tetap disantuni.

Kalau jantungnya masih berdegup hulurilah mereka sebentar hidup walau sedikit atau sajempet jangan dinanti sesudah hampir maut apa pun dicurah tidak lagi menyahut.

Emas dan intan berbungkal-bungkal wang dan ringgit berikat tebal namun itu tidak lagi bererti kerana ia tidak dapat mengubati di sana ajalnya sudah menanti.

Wang dan ringgit tiada ertinya lagi dan tidak dapat menghidupkan kembali emas dan intan hanyalah perhiasan di sanalah sesal amat memilukan tangis dan riang bagai penyumbang.

M.S. Sofian

SEBUAH HARAPAN CUMA TINGGAL KENANGAN

Bagai lautan yang bergelora tiupan bayu yang membawa diriku... terkapat hanyut dibawa arus harapan yang menggunung

tenggelam timbul dalam mendamba sebuah cinta sejati yang mungkin akan memberi sinar dalam hidupku.

Dapat kulihat dari sinar matamu itu suatu perasaan yang tulus dan suci perasaan yang bukan dibuat-buat nilainya mengalahkan intan permata kilaunya mengalahkan cahaya tak bisa digadai dengan harta benda sukar dicari galang-gantinya : **KASIH SAYANG**

Bisakah kumiliki kasih sayang darimu? walau sekelumit cuma antara kita jelas berbeza kau bagi intan permata sedangkan aku hanya sebutir kaca tak mungkin bertemu dalam lena tak mungkin bersatu dalam jaga.

Aku hanya mampu menyintaimu dari kejauhan hingga kau tak terasa betapa kuatnya cintaku padamu setiap kali cintaku bergejolak aku cuba untuk memendamnya agar terhindar dari segala prasangka tapi sampai kapan?

Walau sehangat mana cintaku sedalam mana rinduku sehebat mana kasihku terhadapmu tak mungkin aku milikimu dan tak pula menghancurkan kebahagiaanmu hanya kerana cintaku kepadamu.

Aku tumpang gembira lihat kau bahagia bersamanya dua insan yang bersatu atas dasar cinta sama cinta ku doakan agar kau terus gembira di sampingnya untuk selama-lamanya.

Aku pasrah apa yang berlaku kita hanya merancang tapi Tuhan yang menentukan cintaku terhadapnya tak sampai ke mana jadilah ia sebuah kenangan walau harapan tak kesampaian tapi! hidup mesti diteruskan.

Quratu Ain

PUSARA BASAH

Sebelum tiba raya aku ziarah Bukit Berangan* keliling sepi berketul-ketul hari cerah langkah terhenti tafakur syukur di sini ayah dan bonda mengabdi semayam (Semoga Allah mencuci rahmat ke atas Roh-Nya!).

Sebotol penuh air asah-asahan merenjis pusara Wangi setanggi semerbak rasa terhidu juga sejambak melati murni tertebur mendorong langkah khidmat bersama sapoi mengiring ziarah kudus-Nya!

Sejak kecil aku diasuh dibesarkan sengsara aku sedar jika demikian deritanya waktu mulanya itu tanpa keberadaan hidup tiada sehebat singa di situ mencari makna merendah diri sama hamba tiada yang di atas!

Di atas kubur pusara ayah bonda berdoa Yaa Siin bagi ketenangan damai yang dikasih yang telah tiada kepada ada ayah dan bonda segarlah selagi nama tiada pernah lupa ini :

ayahku benderang

engkaulah

Alirahmat

pada bondaku

bercaya

engkaulah

Sitirahmah

yang berada di sisi Tuhan-Mu!

Engkaulah berkekak mengabdi di sisi bahagia Tuhan sehingga pusara nisan tetap terjaga waris basah kerahmatan Ilahi Rabbi di tanah kehormatan Adam jisim-Mu!

SEORANG SAHABAT DALAM KENANGAN (doa restu buat Allahyarham HSH. K. Belait)

Kematian adalah dari Allah Yang Maha Suci itulah anugerah saksama Maha Penentu tiada yang dibelakang juga di depan inilah sepasang kurnia Ilahi hubungan hidup tunangnya mati!

Sahabat hanya hamba-Nya tanpa daya upaya pun tiada dapat ditahan juga dilanjutkan itulah pada tetap pada janji-Nya hidup wajib takwa pada pencipta Allah sekalian semesta alam!

Pada sesiapa pun tiada boleh mengalirkan air mata atau la tahzan nestapa meninggi batas daku antara sahabat bahagia terdahulu tiada sesiapa makhluk menduga juga menafsirkannya itulah Maha Kuasa Bijaksana di atas fana dan baqa Allah Maha Penentu tanpa tidur!

Tetap pada saatnya terlambai sahabat harmoni diangkat tinggi berjanjar mulia Roh tujuh hari bulan Jun dua puluh sepuluh - hari Isnin sirna buat fanamu menyahut pasrah Suci pada-Nya Ilahi Rabbi...!

Aku bertengang pergi ke Masjid Pandan dalam sejahtera hingga pada kediaman Perumahan Pandan Allahyarham menyertai sembahyang jenazahmu, dalam keranda tenang pentilasi diusung dalam kenderaan ke batu tiga tempat mulia perkebumian akhir semayammu wahai sahabat!

Begitu sepi talkin direntang penyedar selama hidup fana yang pendek pada kematian rahmat bahagia di jantung bumi semayam tutup mata dalam ucap pembaca di atas kubur : mati itu benar Mungkar Nangkir itu benar segalanya benar!

Dari itu kekuasaan Ilahi pasti Bijaksana sifat-Nya tiada yang dimungkirinya sekecil jarak yang tinggal, apakah amalan kita setelah sahabat karib mendahului kita?

Dan aku menambahkan mengirimkan doa pada kepergian semoga mendapat payung rahmat ke atas rohnya serta dicucuri rahmat sejahtera masuklah ke Syurga-Nya Yaa Rahmat Yaa Rahim amin!

ADI MISERE

MARILAH kita meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di Akhirat.

Menuntut ilmu merupakan satu kemestian bagi setiap orang Islam, kerana dengan ilmu seseorang itu bukan sahaja boleh membangun dan memajukan dirinya bahkan juga untuk masyarakat dan negaranya. Terdapat banyak cara untuk mendapatkan ilmu itu antaranya melalui pembacaan. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al 'Alaq ayat 1 hingga 5 tafsir-Nya :

"Bacalah wahai Muhammad dengan nama Tuhanmu yang menciptakan sekalian makhluk, ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku, bacalah dengan nama Tuhanmu yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya."

Sebagai umat Islam kita hendaklah menjadikan budaya membaca sebagai amalan kerana membaca itu adalah amalan mulia yang dapat membentuk insan berilmu pengetahuan. Sesungguhnya orang yang berilmu pengetahuan tidak sama dengan orang yang tidak berilmu. Oleh sebab itu Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan kedudukan yang tinggi bagi orang-orang yang berilmu, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Mujaadilah ayat 11, tafsir-Nya :

"Allah meningkatkan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama dari kalangan kamu beberapa darjat. Dan ingatlah Allah Maha Mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan."

Sebagaimana yang diketahui bahawa sesebuah negara hanya akan membangun dan maju jika rakyatnya berilmu pengetahuan, kerana ilmu dapat menjadikan seseorang itu bijak pandai sehingga mampu menguasai pelbagai bidang ilmu. Kerana itu di mana-mana negara di dunia ini mementingkan pendidikan rakyat dan penduduknya dengan membangun sekolah dan institusi pengajian tinggi sebagai pusat untuk menimba ilmu pengetahuan. Ilmu yang dipelajari itu sebahagian besarnya diperolehi melalui kaedah membaca.

Terdapat banyak kelebihan dari amalan membaca, antaranya seseorang itu bukan sahaja akan mendapat ilmu, bahkan juga akan dapat mengasah fikiran seseorang itu menjadi lebih



tajam, kreatif dan inovatif serta dapat menjadikan minda lebih berkembang dengan idea dan pengetahuan yang baru.

Oleh itu sudah sewajarnya budaya membaca ini disemai dan disuburkan kepada semua peringkat golongan masyarakat lebih-lebih lagi kepada anak-anak, bak kata pepatah *melentur buluh biarlah dari rebungnya*. Namun dalam mendidik anak-anak supaya suka membaca,

Menuntut ilmu satu kemestian

para ibu bapa perlu ikut sama menunjukkan minat untuk membaca kerana mereka merupakan *role model* dan pendorong yang menjadi ikutan kepada anak-anak mereka untuk suka membaca.

Ibu bapa juga digalakkan untuk membawa anak-anak mereka ke perpustakaan agar dapat memupuk minat membaca ke dalam jiwa anak-anak mereka. Sebagai ibu bapa, kita juga perlu mengambil perhatian agar bahan-bahan bacaan yang dibaca oleh anak-anak ialah bahan-bahan bacaan yang berfaedah dan boleh menambah pengetahuan, bukannya bahan-bahan bacaan yang tidak bermanfaat dan boleh merosakkan minda serta menyesatkan. Selain itu, bagi memupuk lagi minat membaca di kalangan keluarga adalah sebaiknya kita mengwujudkan perpustakaan mini ataupun sekurang-kurangnya menyediakan sedikit bahan-bahan bacaan di rumah kita.

Sebenarnya amalan membaca tidak terhad di tempat-tempat tertentu sahaja. Akan tetapi amalan tersebut boleh dilakukan di mana-mana sahaja kita berada, seperti ketika sedang menunggu giliran di klinik-klinik dan hospital-hospital, di kaunter-kaunter pembayaran dan sebagainya.

Selain itu, bahan-bahan bacaan bukan hanya terhad melalui buku, majalah dan akbar, kita juga boleh mendapatkan bahan-bahan bacaan di internet. Walaupun penggunaan internet sangat berafaedah dan berguna pada zaman ini, tetapi jika disalahgunakan akan mendatangkan kemudarat. Teknologi ini pada asalnya adalah untuk memudahkan sesuatu. Jika sekiranya teknologi yang berafaedah ini

MENUNTUT ilmu merupakan satu kemestian bagi setiap orang Islam, kerana dengan ilmu seseorang itu bukan sahaja boleh membangun dan memajukan dirinya bahkan juga untuk masyarakat dan negaranya. Terdapat banyak cara untuk mendapatkan ilmu itu antaranya melalui pembacaan.

digunakan dengan niat yang betul, maka ia akan membawa manfaat dan kesejahteraan hidup, tetapi jika sebaliknya maka akan membawa kepada kemudarat dan kerugian.

Melihat betapa penting kesadaran membaca itu perlu dipupuk di kalangan masyarakat kita, khususnya kanak-kanak, remaja dan belia, maka Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai sebuah agensi Kerajaan yang berkait rapat dengan bidang pembacaan ini telah mengungkapkan Projek Memperkasa Budaya Membaca Sepanjang Tahun 2012 ini.

Sesungguhnya usaha sedemikian adalah sangat baik dan sudah sewajarnya kita menyokong usaha tersebut dengan meningkatkan lagi budaya membaca kita dari semasa ke semasa. Perlu diingat, satu-satunya jalan untuk mendapatkan ilmu yang berguna dan membina ilmu pengetahuan, kita dapat mencipta kecemerlangan dan memartabatkan umat Islam ke merlu kejayaan, akhirnya sama-sama kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala menambahkan ilmu pengetahuan dan mengurniakan kefahaman kepada kita. Mudah-mudahan diri kita, bangsa, agama dan negara akan maju jaya dan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran ayat 7, tafsir-Nya :

"Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama berkata : Kami beriman kepada-Nya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami. Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran."

وقت سمبهیغ داعيره بروني موارا دان تمبروغ ، امساك ، شوروق دان ضحى									
وقت سمبهیغ ، امساك ، شوروق دان ضحى داعيره بروني موارا دري هاري سبتو 14 جنواري 2012 برساماعن دعن 20 صفر 1433 هيٺ									
كهاري جمعة 20 جنواري 2012 برساماعن 26 صفر 1432 ادله سقوت دياوه اين:									
مسحي	هاري	هجريه	امساك	صبح	شوروق	ضحى	ظهر	عصر	مغرب
جناوري		صفر							
14	سبتو	20	5 . 01	5 . 11	6 . 33	6 . 57	12 . 31	3 . 52	6 . 25
15	احد	21	5 . 02	5 . 12	6 . 33	6 . 58	12 . 31	3 . 53	6 . 26
16	اثنين	22	5 . 02	5 . 12	6 . 33	6 . 58	12 . 31	3 . 53	6 . 26
17	ثلاث	23	5 . 02	5 . 12	6 . 33	6 . 58	12 . 32	3 . 53	6 . 27
18	رابو	24	5 . 03	5 . 13	6 . 34	6 . 58	12 . 32	3 . 54	6 . 27
19	خميس	25	5 . 03	5 . 13	6 . 34	6 . 59	12 . 32	3 . 54	6 . 27
20	جمعة	26	5 . 03	5 . 13	6 . 34	6 . 59	12 . 33	3 . 54	6 . 28
وقت سمبهیغ باكي داعيره توتوج دتمبه ساتو مینیت دان داعيره بلاعيت دتمبه تيڭ مینیت دان سمبهیغ فرض جمعة دسلوروه نخارا بروني دارالسلام									
مولادي دري قوكول 12.45 تغه هاري									

Keluarga mangsa kebakaran menerima bantuan MUIB

Oleh :

Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Januari. - Kebakaran yang bermula dari sebuah bilik tidur tingkat atas pada pagi 26 November 2011 lalu telah meranapkan rumah kediaman keluarga Awang Haji Tawar bin Haji Liman di Kampung Kilanas.

Rumah yang didiami oleh lima kelamin seramai 30 orang penghuni itu, sebahagian besarnya musnah dijilat api dalam kejadian kebakaran dan menyebabkan kehilangan harta benda yang tidak terkira dan tempat tinggal bagi mangsa.

Sehubungan itu, dalam usaha membantu mereka yang ditimpah musibah seperti kebakaran, bencana alam dan sebagainya, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) sekali lagi memberikan bantuan serta merta berupa wang tunai dan bantuan keperluan peralatan persekolahan bagi meringankan bebanan yang ditanggung oleh mangsa-mangsa berkenaan.

Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Bagi Mangsa-Mangsa Kebakaran itu diadakan di Bilik Dahlia, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, di sini.

Hadir menyampaikan bantuan kewangan dan keperluan peralatan sekolah kepada mangsa yang terlibat ialah Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar.

Jumlah bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa berjumlah

BND6,000 iaitu BND200 setiap seorang, di samping keperluan peralatan persekolahan kepada anak mangsa-mangsa kebakaran yang masih bersekolah.

Bantuan kewangan daripada Kumpulan Wang Zakat, MUIB yang dihulurkan itu bertujuan untuk meringankan bebanan mangsa-mangsa berkenaan dan juga untuk kegunaan perbelanjaan membeli pakaian-pakaian harian dan keperluan perbelanjaan lainnya.

Diharapkan bantuan itu dapat meringankan bebanan yang ditanggung oleh mangsa dan keluarganya.

Ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI sejurus majlis penyerahan bantuan tersebut, Awang Haji Tawar, 54 menceritakan detik kejadian tersebut yang mana kebakaran tersebut terjadi semasa beliau tidur dan mengetahuinya setelah dikejutkan oleh salah seorang anak beliau.

Menurutnya, kebakaran bermula dari salah sebuah bilik tidur bahagian atas rumah tersebut dan beliau serta keluarganya cuba sedaya upaya untuk memadamkan api daripada merebak sebelum pihak Bomba dan Penyelamat tiba, namun api merebak dengan cepatnya.

Ketika ini, beliau sekeluarga hanya tinggal dalam khemah yang didirikan berhampiran dengan rumah kediaman mereka itu.

Awang Haji Tawar yang ketika ini tidak lagi bekerja, dalam kesempatan tersebut turut memohon dan berharap agar ada mana-mana pihak yang bermurah hati untuk membantu dalam membaik pulih rumah keluarganya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan apa jua jenis sumbangan



SETIAUSAHA Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar menyampaikan bantuan peralatan persekolahan kepada seorang penerima. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

bantuan kepada keluarga beliau adalah sangat dialu-alukan dan menghulurkannya terus pada alamatnya, No. 5 Simpang 1128, Kampung Kilanas.

Lumba Perahu : Mengimbas Nostalgia



DALAM KENANGAN ... Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ketika berangkat menyertai Perlumbaan Perahu di perairan Sungai Brunei.

KAMPUNG Air adalah salah satu tempat bersejarah mengenai kewujudan awal Brunei dan ianya menjadi kebanggaan rakyat di Negara Brunei Darussalam. Kini Kampung Air menjadi tarikan para pelancong yang datang ke negara ini.

Bila kita tinjau sejarah Kampung Air mempunyai keunikan yang tersendiri, sejarah yang terdahulu ada menyatakan bahawa Kampung Air bukan sahaja dianggap sebagai sebuah bandar malah sebagai sebuah negeri daripada pandangan bangsa asing dan memiliki pelbagai aspek kebudayaan, ekonomi, sosial, kepercayaan dan keagamaan. Pada keseluruhannya, pekerjaan tradisional dan perusahaan tangan bercorak tradisi penduduk Kampung Air meliputi pelbagai bidang seperti bertenun kain, padian, kraf tangan, pengalu dan termasuklah memburis perahu.

Sejarah memburis perahu ini memang lama telah wujud di negara kita, lebih-lebih lagi di Kampung Air dan salah satu sumber pendapatan penduduk Kampung Air sebelum adanya perkerjaan di jabatan kerajaan. Pada masa kini setelah memang diakui bahawa kegiatan memburis perahu semakin berkurangan tetapi ianya masih wujud sehingga ke hari ini.



ACARA lumba perahu perlu dikenalkan supaya warisan ini sentiasa dipelihara.

Daripada kajian yang dibuat para pengkaji yang terdapat di laman web, kegiatan memburis perahu ini akan bertahan lama selagi wujudnya Kampung Air di negara ini. Pembuatan atau memburis perahu ini telah mengalami perubahan dari segi pembuatan, peralatan-peralatan dan tempoh penyiapan sesebuah perahu mengikut peredaran zaman yang semakin moden ini. Pada pengamatan pengkaji kepadaan memburis perahu ini di warisi secara turun-temurun. Kepadaan seorang pemburis bukan diperolehi dari membaca buku, ianya hanya pada pengamatan dan semasa membantu seseorang yang mahir memburis perahu.

Perahu merupakan alat kenderaan yang penting di kawasan perairan. Bagi penduduk

Kampung Air, perahu memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat Kampung Air kerana ia merupakan alat perhubungan yang sangat penting antara satu sama lain. Pertukangan membuat perahu lebih dikenali sebagai 'Memburis Perahu'. Dengan adanya perahu-perahu inilah juga menjadi acara kemeriah orang-orang Brunei dahulu dikenali dengan Perlumbaan Perahu yang mendapat tempat sempena hari-hari kebesaran negara.

Apabila tiba perlumbaan perahu di perairan Sungai Brunei berhadapan dengan Water Front Bandar Seri Begawan (BSB) dan rumah-rumah di Kampung Air akan menjadi tumpuan orang ramai termasuk negara jiran terdekat melihat perlumbaan perahu dan bot laju dan menjadi salah satu acara yang diminati di negara ini.

Apa yang ingin diperkatakan penulis ingin menghimbau kembali zaman dulu Perahu Lumba adalah satu acara yang diminati oleh penduduk Negara Brunei Darussalam sejak dahulu lagi terutamanya bagi penduduk Kampung Air. Sesiaapa sahaja yang dipilih untuk menyertai acara ini akan merasa megah dan bangga kerana terpilih.

Haruslah diingat bahawa acara yang diadakan ini perlu dikekalkan supaya warisan bagi Negara Brunei Darussalam sentiasa dipelihara dengan adanya acara yang unik serta menarik minat pelajar-pelajar tanah air kita.

SIAPA JAGUH

Kalau memperkatakan Lumba Perahu ini orang Kampung Tamoi memang terkenal dengan kejaghan dalam berlumba perahu. Ini terbukti sejak dulu lagi. Apa rahsianya kejayaan mereka ini?

Menurut Penghulu Mukim Tamoi, Pengarah Awang Haji Mokti bin Salalleh ketika ditemu bual dalam artikel Menyusuri Mukim dan Kampung oleh Alhyarham Awang Haji Kassim bin Haji Omar, menerangkan apa yang penting kesungguhan dan semangat kerjasama. Di samping itu, juga teknik dan pengalaman yang mereka perolehi terutama dalam mengusaha perahu. Ada pantang larangnya. Yang penting perahu lumba itu diusaha sebaik mungkin, jika perahu tidak *ngam* (berat kalau dikayuhkan) maka orang yang pemandai (kalau dulu orang yang pemandai seperti *aimulah* Abd. Rahman, *aimulah* Awang Alim dan *aimulah* Haji Lakim), mereka inilah yang akan mengusai perahu lumba itu supaya boleh menjadi perahu lumba yang boleh dikayuhkan. Dulu, perahu lumba yang terkenal seperti Tambuakar, (oleh kerana nama Tambuakar itu tidak berapa serasi,

Oleh :
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

berat dan lambat untuk dikayuhkan) maka ditukar kepada nama Taripas Terbang, Naga dan Selindang Delima. Acara ini tidak dilakukan begitu sahaja, tetapi ia mempunyai pantang larangnya tertentu. Terdapat juga isyarat kayuhan dan beberapa teknik pada zaman dahulu. Teknik tertentu perlu dipatuhi supaya acara perlumbaan perahu berjalan dengan lancar. Setiap perahu yang digunakan untuk acara ini mempunyai namanya tersendiri..

Memang dahulu (sekitar tahun 60-an) acara lumba perahu ini merupakan acara yang ditunggu-tunggu. Kampung yang selalu *bergagut* (berlawanan) ialah antara Kampung Tamoi dan Kampung Saba. Dalam banyak acara Kampung Tamoi selalu memenangi perlumbaan perahu tersebut sehingga ada yang mengatakan orang Kampung Tamoi *membuyuk*. Tapi sebenarnya bukan *membuyuk*, tapi lebih kepada teknik dan cara mereka berkayuh (ketika berlumba), mereka dapat membaca riak air dan juga semangat berpasukan yang mereka praktikkan. Mereka dapat membaca apabila hendak berkayuh *betinting* dan bilamasa kayuh *berangat*. Kesepadan semangat peserta dan teknik perkayuhan serta perahu yang telah diusahakan maka hasilnya mereka (orang Kampung Tamoi) sentiasa mengungguli upacara lumba perahu. Itu dulu, tapi sekarang tidak tahulah. Mungkin cara dan teknik sudah berubah.

Sebagai mengembalikan nostalgia, perlumbaan perahu dan bot laju anjuran Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan diadakan pada hari Ahad, 22 Januari 2012 bertempat di perairan Sungai Brunei berhadapan dengan Water Front BSB.

Menurut pihak pengangur, objektif perlumbaan ini mengembalikan zaman kegemilangan dan nostalgia sejarah Lumba Perahu dan Bot Laju yang diadakan pada zaman tahun-tahun 50-an, 60-an dan 70-an, yang mana pada ketika itu setiap kali acara tersebut diadakan di Sungai Brunei, BSB, suasana BSB adalah sungguh ceria dan meriah serta mampu menjana aktiviti perekonomian; mengembalikan keceriaan dan memeriahkan lagi kawasan BSB bukan sahaja sebagai pusat bandar tetapi melalui acara yang diadakan, ianya dapat meningkatkan pendapatan kepada penduduk setempat untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan semasa acara itu nanti dan mendukung ke arah memajukan lagi industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam ini, berkonsepkan 'Kenali Negara Kitani' (KNK), iaitu untuk terus menjadikan BSB sebagai pusat tarikan pelancong di Negara Brunei Darussalam. Marilah kita sama-sama meriahkannya.



AKSI perlumbaan lumba perahu yang setentunya menarik perhatian orang ramai.

Semangat inovasi, ingin maju perlu dijadikan budaya kerja



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof menyampaikan sijil dan cenderahati kepada seorang pegawai dan kakitangan yang bersara. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Januari. - Kumpulan tenaga kerja dari golongan pelbagai profesional kesihatan termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan pengu-

rusan dan pentadbiran terus sahaja menjadi salah satu sumber utama yang memainkan peranan penting bagi pencapaian perkembangan dan kemajuan sistem dan perkhidmatan

penjagaan kesihatan dalam negara ini.

Ini adalah juga dengan berkat kerjasama secara berpasukan (*teamwork*), komitmen, dedikasi, perasaan bertanggungjawab dan menanamkan semangat inovasi dan ingin maju yang diterapkan dan

dijadikan satu budaya kerja pada semua lapisan pegawai dan kakitangan di kementerian ini.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof berucap demikian dalam Majlis Penyampaian Sijil dan Cenderahati kepada Pegawai dan Kakitangan Yang Bersara Bagi Kementerian Kesihatan yang diadakan di Hotel Orchid Garden, Berakas.

Justeru itu, tambah Yang Berhormat, ciri-ciri budaya kerja seperti ini hendaklah dipertingkatkan dan diperkuuhkan lagi dengan penuh keazaman untuk mencapai ke arah yang lebih cemerlang dan mantap dalam kita melangkah tahun 2012 dan tahun-tahun mendatang.

"Di antara khidmat bakti, pengetahuan dan kerjayaan abiskita juga ialah dalam melaksanakan tuntutan mendidik dan memimpin pegawai-pegawai bawahan atau rakan-rakan sejawat dan mereka yang masih lagi berkhidmat untuk

mengongsikan pengetahuan dan pengalaman yang membolehkan dapat mengambil alih serta meneruskan tugas dan tanggungjawab dengan baik dan berkesan bagi mencapai matlamat ke arah kecemerlangan dalam perkhidmatan," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, inilah juga satu sumbangan yang amat berharga dan hendaklah dicontohi kerana tidak kira peringkat pegawai dan kakitangan sama ada merupakan ketua, jabatan, bahagian dan mana-mana peringkat pegawai dan kakitangan kesemuanya hendaklah mengetepikan kepentingan sendiri tetapi lebih mengutamakan kepada menjaga kepentingan masyarakat dan negara ke arah merealisasikan visi Kementerian Kesihatan iaitu 'Bersama Ke Arah Warga Sihat' serta menanamkan aspirasi bagi mendukung wawasan negara khususnya dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat serta penduduk negara ini.

Jelas Yang Berhormat, penganugerahan ini adalah satu kebanggaan bukan hanya kepada

pegawai-pegawai ini bahkan juga jabatan serta kementerian.

Yang Berhormat berharap supaya pegawai-pegawai dan kakitangan lain mengikut jejak mereka ini bagi menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dan mengekalkan komitmen dan produktiviti yang tinggi semata-mata bagi kepentingan organisasi dan negara serta bagi menyumbang kepada sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan ke tahap kualiti yang lebih tinggi di negara ini.

Di samping itu, tegas Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sangat mengambil berat mengenai hal ehwal sumber tenaga kerja kesihatan yang mana dianggap sebagai penentu dan penyumbang kepada tahap prestasi sistem kesihatan dan mempengaruhi efisiensi dan keberkesanannya penyampaian dan kualiti penjagaan kesihatan.

"Oleh itu usaha-usaha serta inisiatif akan terus dilaksanakan untuk memantapkan lagi kapasiti dan prestasi tenaga kerja kesihatan serta mengatasi cabaran-cabaran khusus-

nya dalam melengkapkan pelbagai kemahiran dan kepakaran yang diperlukan selaras dengan perkembangan pesat bidang perubatan dan kesihatan di abad 21 ini," jelas Yang Berhormat.

Seramai 45 orang menerima sijil penghargaan dan cenderahati bagi pegawai dan kakitangan yang bersara dalam Bahagian I hingga V bersama tiga pegawai yang menerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam.

Majlis juga diselanjurkan dengan penyampaian bantuan kewangan kepada mangsa kebakaran.

Acara tahunan ini adalah sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih atas jasa bakti para pegawai dan kakitangan yang berkhemat dalam bidang tugas masing-masing.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Abdul

Salam bin Abdul Momin; Timbalan Setiausaha Tetap, Dr. Hajah Norlila binti Haji Abdul Jalil dan ketua pengarah dan pegawai kanan kementerian tersebut.

Pembungkusan jelas meningkatkan keberkesanan amaran kesihatan tembakau

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Januari. - Industri tembakau telah banyak mengelirukan pelanggan-pelanggannya dengan bijak melalui pewarna paket dan gambar serta memperdaya pelanggan-pelanggannya dengan memberi gambaran bahawa jenama tertentu adalah lebih selamat daripada yang lain.

Idea pembungkusan yang jelas pastinya akan menimbulkan kemarahan industri tembakau yang menentang hebat bagi undang-undang dan dasar pembungkusan jelas.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil

menjelaskan perkara tersebut dalam Majlis Pelancaran Mesyuarat Teknikal Bagi Pembungkusan Yang Jelas Hasil Produk-Produk Tembakau Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini.

Dr. Hajah Norlila menambah kesungguhan penentang telah mencadangkan bahawa industri eksekutif tembakau percaya bahawa langkah-langkah tersebut akan mengurangkan keuntungan syarikat dan jualan.

Jelasnya, sehingga mereka telah membuat pelbagai tuntutan untuk menghalang pihak kerajaan daripada mengambil langkah yang

penting.

Beliau menambah, pelbagai tuntutan telah dituntut dari kerosakan kepada kedai-kedai perniagaan dalam pengurangan harga dan persaingan serta peningkatan perdagangan haram.

Industri tembakau, katanya, juga telah cuba untuk menakut-nakutkan kerajaan melalui tuntutan selanjutnya bahawa pembungkusan yang jelas merupakan pengambilalihan harta intelek dan itu dilarang di bawah terma-terma pelbagai perjanjian perdagangan.

"Kami percaya bahawa pembungkusan yang jelas akan meningkatkan keberkesanan amaran kesihatan pada bungkusan produk tembakau."

"Ia juga akan mengurangkan kesalahfahaman tentang kemudaratannya yang berkaitan dengan pelbagai jenama dan sudah tentu akan mengurangkan keseluruhan rayuan merokok," ujarnya.

Walau bagaimanapun jelas beliau, sebelum mereka dapat melaksanakan langkah tersebut, mereka mesti bersedia sepenuhnya.

Sektor kesihatan, perdagangan dan undang-undang

katanya, mesti bekerjasama menangani semua isu yang berpotensi dan cabaran yang mungkin timbul.

Di samping itu, tambahnya, di Negara Brunei Darussalam kawalan tembakau merupakan sebagai salah satu keutamaan dalam Pelan Kebangsaan Penjagaan Kesihatan, rangka kerja strategik untuk tindakan yang telah dilancarkan pada tahun 2000.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan menjelaskan, wawasan dan strategi Kementerian Kesihatan dan pelancaran strategik rangka kerja baru pada tahun 2010 seterusnya dikenal pasti kawalan tembakau sebagai penting dalam mengamalkan gaya hidup sihat, selaras dengan visi Kementerian Kesihatan 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'.

Seterusnya beliau menjelaskan selepas pengesahan WHO 'Framework Convention on Tobacco Control' pada bulan Jun 2004 dan Perintah Tembakau diperkenalkan pada tahun 2005, Negara Brunei Darussalam telah melakukan pelbagai langkah-langkah pengawalan tembakau.

Sejak bulan Disember tahun 2008 itu katanya, Negara Brunei Darussalam menghendaki kesemua pakej rokok hendaklah membawa amaran kesihatan bergambar.

Beliau menambah amaran kesihatan mesti diletakkan tidak kurang daripada 50 peratus pada depan dan permukaan belakang pakej tembakau.

Negara Brunei Darussalam kini, katanya, mengkaji semula amaran kesihatan bergambar yang digunakan dan sedang menimba pemindaian saiz amaran kesihatan yang akan dijalankan pada pembungkusan produk tembakau.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation - WHO) menganjurkan bengkel berkenaan yang dikendalikan di negara ini dengan kerjasama melalui Kementerian Kesihatan.

Bengkel selama dua hari itu antara lain bertujuan, bagi membincangkan bukti pembungkusan jelas hasil produk-produk tembakau dan untuk menimba pengalaman dari negara Australia yang berjaya memperkenalkan pembungkusan yang jelas



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil berucap dalam Majlis Pelancaran Mesyuarat Teknikal Bagi Pembungkusan Yang Jelas Hasil Produk-Produk Tembakau Pertubuhan Kesihatan Sedunia. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

hasil dari produk-produk tembakau dalam negara berkenaan.

Bengkel dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan, peguam-peguam, pembuat dasar dan pegawai dari sektor swasta yang sama-sama menangani pengharuman pengiklanan, promosi dan penaja-penaja produk tembakau.

INDUSTRI tembakau juga telah cuba untuk menakut-nakutkan kerajaan melalui tuntutan selanjutnya bahawa pembungkusan yang jelas merupakan pengambilalihan harta intelek dan itu dilarang di bawah terma-terma pelbagai perjanjian perdagangan.

Utamakan kemajuan, keselesaan pelajar

LUMUT, Selasa, 10 Januari. - Kelancaran perjalanan sesi persekolahan merupakan salah satu fokus yang dititikberatkan oleh Kementerian Pendidikan terutama sekali setelah bermula sesi penggal persekolahan bagi tahun ini dan ia menjadi isu utama lawatan kerja Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail ke Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah (SMPAPHRSB) dan Sekolah Rendah Sungai Tali (SRST).

Lawatan Yang Mulia bersama rombongan bermula di SMPAPHRSB dialu-alukan oleh Pengetua sekolah, Dayang Hajah Murni binti Abdullah dan seterusnya mendengar taklimat ringkas mengenai profil sekolah dan laporan berhubung pencapaian sekolah serta program-program terancang yang diusahakan oleh pihak

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarallii

pengurusan sekolah.

Semasa sesi perbincangan bersama pihak sekolah, Pemangku Menteri Pendidikan telah membincangkan mengenai dengan usaha-usaha yang telah dikendalikan oleh pihak sekolah dalam kaedah-kaedah pengajaran yang efektif bagi mata-mata pelajaran seperti pengajaran dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Pengetahuan Umgama Islam.

Menurut Yang Mulia, suasana pengajaran dan pembelajaran dalam bilik-bilik darjah yang berjalan riang gembira dengan pelajar-pelajar yang aktif mengikuti pelajaran mereka adalah hasil daripada kaedah-kaedah pengajaran baru yang direka oleh guru-guru kreatif, inovatif dan berkualiti yang memenuhi kehendak pendidikan masa kini.

Yang Mulia menambah, pelbagai program telah diterapkan khususnya program-program pembelajaran yang membantu proses perkembangan pelajar-pelajar pada setiap peringkat persekolahan dan sebahagian daripadanya telah mula menampakkan hasil.

Menyentuh mengenai dengan kepimpinan sekolah, Yang Mulia berkata, semua pemimpin sekolah perlu komited sepenuhnya kepada pengurusan sekolah yang cemerlang memandangkan inisiatif tertentu sudah dilaksanakan seperti program School Leadership Program (SLP) bagi semua pemimpin-pemimpin sekolah.

Pada keseluruhannya, Yang Mulia berpuas hati dengan usaha-usaha yang telah dilaksanakan di sekolah tersebut dan seterusnya berpesan agar

semua pemimpin sekolah akan sentiasa proaktif melaksanakan apa juar program yang bersesuaian di sekolah masing-masing.

Lawatan kerja Yang Mulia dan rombongan di teruskan ke Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut II dan dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah, Dayang Hajah Nur Izzati binti Haji Mohd. Halim.

Di sekolah tersebut, rombongan dibawa melawat bilik-bilik darjah, bilik komputer, bilik ibadat, bilik perpustakaan, bilik makmal sains, bilik SENA, bilik-bilik prasekolah dan kemudahan-kemudahan sekolah yang lain, di samping berinteraksi dengan guru-guru dan murid-murid.

Yang Mulia dan rombongan juga berpeluang melihat secara lebih dekat aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik-bilik darjah seperti aktiviti literasi, aktiviti numerasi dan juga aktiviti



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail menanyakan tentang mata pelajaran yang diikuti oleh seorang murid Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut II.

pelajaran asuhan agama.

Menyertai rombongan tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni, ketua pengarah pendidikan, ketua-ketua jabatan dan beberapa pegawai

kanan daripada Kementerian Pendidikan.

Lawatan bertujuan untuk melihat secara lebih dekat lagi kemajuan dan keselesaan para pelajar, di samping meninjau prasarana sekolah dan memberi peluang berinteraksi secara langsung

antara pihak pengurusan sekolah dengan pihak Kementerian Pendidikan.

UBD adakan Pesta Buku dan Teknologi Maklumat 2012



PENOONG Naib Canselor Bahagian Korporat dan Pentadbiran Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Zulkifli menyaksikan salah satu pameran yang ikut serta dalam Pesta Buku dan Teknologi Maklumat di UBD. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

TUNGKU LINK, Selasa, 10 Januari. - Industri penerbitan buku dijangka berkembang secara global sebanyak 3.6 peratus setahun, sementara 5.1 peratus pula bagi kawasan Asia Pasifik.

Ini menunjukkan bahawa akses terhadap ilmu kian bertambah dan mudah diperolehi sekali gus dapat menyumbangkan lagi budaya menimba ilmu melalui penggunaan dan pembacaan buku yang diterbitkan walaupun jumlah penduduk di negara ini

lebih kecil berbanding negara-negara lain.

Penolong Naib Canselor Bahagian Korporat dan Pentadbiran Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Zulkifli menekankan perkara tersebut dalam Majlis Pembukaan Pesta Buku dan Teknologi Maklumat 2012 bertempat di Dewan Canselor, UBD, di sini.

Beliau seterusnya menambah, pesta kali pertama ini merupakan inisiatif pihak Perpustakaan UBD

dengan bantuan bahagian lain universiti seperti Pusat Teknologi Informasi Komunikasi UBD ke arah mewujudkan individu dan masyarakat yang berilmu dan berpengetahuan tinggi selaras dengan kehendak dan pembangunan negara.

Pada peringkat institusi pengajaran tinggi seperti di UBD ini adalah amat penting bagi kakitangan akademik dan mahasiswa mengetahui dan mendapatkan sumber-sumber terkini yang berkualiti demi mendapatkan maklumat ilmu yang signifikan demi mempertingkatkan tahap pengajaran,

rujukan dan penyelidikan.

